


## ‘JAWIGO BLOCK’ MEMBANTU MURID MENYAMBUNG HURUF JAWI

\*Nuraini Hussin

Sekolah Kebangsaan Bukit Kuang, Terengganu

Article Info	ABSTRAK
<p><b>Article history:</b></p> <p>Received: 22 Jan 2025 Revised: 4 Feb 2025 Accepted: 20 Feb 2025 Published: 15 March 2025</p>	<p>Kajian ini dijalankan kepada 38 orang murid 4 Lily, SK Bukit Kuang. Pemerhatian di dalam kelas mendapati murid kurang mahir menulis Jawi. Setelah ujian diagnostik dilaksanakan, didapati murid-murid keliru antara huruf yang boleh bersambung atau tidak selepasnya dan sukar mengenali bentuk huruf yang berubah-ubah apabila berada di kedudukan berbeza. Penyambungan huruf sememangnya menjadi salah satu masalah dalam menguasai kemahiran menulis Jawi. Oleh itu, pengkaji telah mencipta satu produk inovasi daripada blok seperti Lego yang diberi nama JAWIGO BLOCK. Satu set JAWIGO BLOCK ini mengandungi 37 blok huruf. JAWIGO BLOCK ini ringan dan bersaiz kecil, maka ia memudahkan guru untuk membawanya dari kelas ke kelas dan memudahkan murid untuk menggunakannya semasa Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berjalan. Setiap permukaan JAWIGO BLOCK ini mengandungi bentuk huruf tunggal, huruf di depan, huruf di tengah dan huruf di belakang yang dibezakan warna pada hurufnya. Setiap JAWIGO BLOCK juga turut dibezakan warnanya bagi huruf yang boleh bersambung sebelum dan selepas (hijau), serta huruf yang boleh bersambung sebelumnya sahaja (oren). Murid dilihat bersemangat sepanjang proses PdP berlangsung dengan berbantuan JAWIGO BLOCK ini. Ujian pos yang dilaksanakan selepas empat minggu menunjukkan murid dapat mengenal huruf yang boleh disambung atau tidak selepasnya, dapat mengenal bentuk huruf dan dapat menyambung huruf dengan lebih baik.</p>
<p><b>Keywords:</b></p> <p>JAWIGO BLOCK menyambung huruf tulisan jawi bentuk huruf warna</p> <p> OPEN ACCESS</p>	

\*Corresponding Author:

Email: g-98035045@moe-dl.edu.my



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14997441

## PENGENALAN

أن عمر بن الخطاب أشار على أبي بكر رضي الله عنهما بجمع القرآن بعد وقعة اليمامة، فتوقف تورعا، فلم يزل عمر يراجع حتى شرح الله صدر أبي بكر لذلك، فأرسل إلى زيد بن ثابت فأتاه، وعنده عمر فقال له أبو بكر: إنك رجل شاب عاقل لا نتهمك، وقد كنت تكتب الوحي لرسول الله صلى الله عليه وسلم فتتبع القرآن فاجمع، قال: فتتبع القرآن أجمعه من العسب والخاف وصدور الرجال، فكانت الصحف عند أبي بكر حتى توفاه الله، ثم عند عمر حياته، ثم عند حفصة بنت عمر رضي الله عنهما.

Maksudnya:

*Umar bin al-Khattab telah mencadangkan supaya Abu Bakar mengumpulkan al-Quran selepas peperangan al-Yamamah. Pada mulanya, Abu Bakar tidak menerima cadangan ini kerana beliau sangat berhati-hati dalam melakukan sesuatu urusan. Umar pula tidak putus-putus mengulangi cadangannya sehinggalah Allah Ta'ala melapangkan dada Abu Bakar untuk menerima cadangan itu.*

*Abu Bakar terus memanggil Zaid bin Thabit lalu berkata sambil didengar oleh Umar, "Sesungguhnya kamu seorang pemuda yang berakal dan kami tidak mengesyakimu. Kamu juga sering menulis wahyu daripada Rasulullah s.a.w.. Carilah dan kumpullah ayat-ayat al-Quran."*

*Zaid berkata, "Akupun bergegas mencari al-Quran dan mengumpulnya daripada pelepah kurma, batu-bata dan dada manusia. Mushaf yang terkumpul itu berada dalam tangan Abu Bakar sehingga beliau wafat. Kemudian dipegang oleh Umar sepanjang hayatnya. Kemudian dipegang oleh Hafsa."*

Riwayat diatas melambangkan peri pentingnya sistem penulisan dalam memelihara Al-Quran sehingga ke hari ini. Selain itu, seperti yang tertulis dalam buku teks Sejarah Tingkatan 1, salah satu ciri-ciri tamadun adalah dengan adanya sistem tulisan. Maka tidak hairanlah setiap tamadun-tamadun purba yang pernah melalui zaman kegemilangannya buat jangka waktu yang lama seperti Tamadun Sumeria, Tamadun Hwang Ho dan Tamadun Mesir Purba mempunyai sistem tulisannya yang tersendiri dan unik.

Tulisan Jawi juga tidak terkecuali. Tulisan Jawi pernah menjadi sistem wadah persuratan, perakaman dan pewarisan segala khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaannya. Menurut Hashim Hj Musa (2005) di dalam jurnalnya:

*"...dan menggunakannya selama hampir 1000 tahun (berbanding dengan tulisan Rumi hanya sekitar 50 tahun) supaya dapat memelihara kemurnian ajaran al-Quran dan al-Hadith demi ketakwaan dan keredhaan Ilahi."*

Ia menjadi indikator bahawa Tulisan Jawi telah menjadi tulisan yang lama digunakan dalam rantau Kepulauan Melayu dan menyumbangkan jasa yang tidak ternilai dalam menyumbang kepada kegemilangan tamadun Islam di rantau ini.

Namun begitu, tulisan Jawi mula terpinggir setelah tulisan Rumi yang berasal dari Eropah mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia setelah beratus tahun dijajah oleh penjajah yang kebanyakannya dari barat. Setelah berbagai cadangan yang diajukan agar tulisan Rumi mengambil alih tulisan Jawi seperti di Johor Bahru pada tahun 1956, maka tulisan Rumi mula mengambil alih kedudukan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu pada tahun 1963 sebagaimana yang tercatat dalam jurnal tulisan Hashim Hj Musa (2005) sebagaimana di bawah:

*"Pada tahun 1963 berdasarkan keputusan Kongres dan juga Jawatankuasa Ejaan itu maka Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 yang memutuskan tulisan Rumi digunakan sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu mengetepikan tulisan Jawi kecuali dalam pendidikan agama Islam."*

Bagi memastikan tulisan Jawi tidak pupus ditelan arus kemodenan, maka Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah saranan idea YAB Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi (Perdana Menteri pada waktu tersebut) melaksanakan program j-QAF pada tahun 2003. Program ini dilaksanakan bagi memperkasa penguasaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu ain dalam kalangan murid sekolah rendah.

Dalam silibus pengajaran di sekolah rendah, walaupun Pendidikan Islam bukanlah mata pelajaran teras, tetapi hanya mata pelajaran wajib yang mesti dipelajari oleh semua murid beragama Islam. Pun begitu, Pendidikan Islam sebenarnya merupakan suatu mata pelajaran yang sangat penting kerana ia berperanan untuk membentuk akhlak dan peribadi seseorang muslim di samping mendidik diri untuk bersemangat mempelajari mata pelajaran lain juga. Dalam kata lain, Pendidikan Islam bukan sekadar mata pelajaran yang penting secara duniawi, malah juga untuk ukhrawi.

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) Pendidikan Islam Tahun Empat, Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah dibina bagi memenuhi keperluan Pendidikan Islam secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Ia merangkumi tujuh modul iaitu Al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi.

Pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah disampaikan dalam Bahasa Melayu dan dalam tulisan Jawi. Justeru, masalah menguasai tulisan Jawi boleh menjadi permasalahan yang besar kepada setiap murid sekolah rendah untuk memahami isi pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, adalah sangat penting untuk guru membantu murid memahami dan menguasai tulisan Jawi.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Tinjauan literatur atau sorotan kajian merupakan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan penyelidikan lepas. Ia penting bagi seorang pengkaji untuk mengenalpasti apakah yang telah dipelajari oleh pengkaji lepas tentang permasalahan serupa dengan isu yang sedang dikaji. Secara tidak langsung, ia dapat mencambahkan idea yang lebih bernas kerana memperoleh pemahaman tentang pendekatan, metodologi dan dapatan terdahulu.

Menurut Mardhiyah (2012), mendapati kelemahan murid dalam menguasai pelajaran adalah disebabkan guru menggunakan kaedah yang kurang sesuai semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ia direkodkan di dalam kajiannya yang bertajuk Penggunaan “Kaedah Tiru Macam Saya” Membantu Menyambung Huruf Jawi Tunggal Dalam Kalangan Murid Tahun 3. Sememangnya kaedah pengajaran guru adalah penting dalam menarik minat murid dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran. Ia disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Bhasah Abu Bakar et al. (2012) di dalam kajiannya Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program j-QAF dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 yang menyatakan faktor yang menyumbang kepada kelemahan murid untuk menguasai pelajaran Jawi antaranya ialah Guru Pendidikan Islam yang kurang berkemahiran dalam mengajar Jawi.

Naquiah Nahar dan Jimaain Sahar (2017) pula di dalam kajiannya bertajuk Pendekatan Bermain Sebagai Wahana dalam Mempertingkatkan Keberkesanan Pengajaran Jawi menyatakan bahawa pendekatan bermain yang diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berjaya menghasilkan pengajaran Jawi yang berkesan dalam kalangan guru serta meningkatkan penguasaan Jawi murid. Secara ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa bermain adalah pendekatan yang sangat berkesan berperanan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran guru khususnya dalam pengajaran Jawi.

Menurut Nuriati Abdullah dan Norhannah Ramli (2012), melalui penyelidikannya, kelemahan murid-murid sekolah rendah dalam kemahiran menulis huruf bersambung Jawi amat ketara sekali sehingga mereka gagal dalam menjawab soalan-soalan yang menggunakan tulisan Jawi. Mereka telah menggunakan symbol (+) dan (-) pada kaedah avu zar zad bagi membantu murid menyambung tulisan Jawi.

Sementara itu, Sapie Sabilan (2018) telah menjalankan kajian tentang penyambungan huruf Jawi bertajuk Penggunaan Kad Warna Jawiku Dalam Meningkatkan Kemahiran Menyambung Huruf Jawi. Menurut beliau, huruf yang paling ketara gagal dikuasai oleh murid ialah apabila huruf alif bertemu dengan huruf kaf dan juga huruf alif bertemu dengan huruf lam. Beliau menekankan penggunaan warna yang berbeza iaitu biru bagi huruf yang boleh bersambung sebelum dan selepas dan warna kuning bagi huruf yang hanya boleh bersambung sebelumnya sahaja.

## **METODOLOGI**

Dalam menjalankan penyelidikan tindakan ini, pengkaji menggabungkan dua pendekatan penyelidikan iaitu kualitatif dan kuantitatif. Menurut Neuman (2000) kajian yang terbaik merupakan kajian yang sering menggabungkan ciri-ciri yang terdapat di dalam kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif kerana kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua bentuk kajian tersebut akan saling menampung di antara satu sama lain (Azmil & Halim, 2012).

Pendekatan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui kaedah pemerhatian. Pengkaji telah membuat pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan dapat melihat murid sukar untuk membaca petikan di dalam tulisan Jawi. Murid juga tidak dapat mengeja Jawi dengan baik apabila diminta menulis di papan putih. Seterusnya, pengkaji juga membuat pemerhatian pada hasil kerja murid di dalam buku latihan. Hasil pemerhatian, pengkaji dapat melihat permasalahan sebenar murid dalam menyambung huruf.

Bagi mengesahkan hasil pemerhatian ini, pengkaji juga telah menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menjalankan ujian diagnostik penyambungan huruf Jawi kepada murid. Ujian ini berfokuskan tentang penyambungan huruf sahaja. Hasilnya, lebih separuh daripada 38 orang murid 4 Lily tidak dapat menyambung huruf Jawi dengan baik dan memperoleh markah kurang daripada 60 markah. Di akhir kajian, pengkaji sekali lagi menjalankan ujian iaitu pascaujian penyambungan huruf bagi mengkaji keberkesanan penggunaan *JAWIGO BLOCK* dalam membantu murid menyambung huruf Jawi.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Sepanjang pengkaji menggunakan *JAWIGO BLOCK* sebagai bahan bantu mengajar semasa mengajar Pelajaran Jawi dan Al-Quran di dalam kelas, murid sangat bersemangat kerana naluri murid yang suka bermain. Murid tidak sabar-sabar menunggu waktu Pendidikan Islam di dalam kelas. Aktiviti permainan ini secara tidak langsung merangsang murid untuk mudah mengingat dan memahami konsep penyambungan huruf yang cuba disampaikan guru.

Hasilnya, murid dapat mengenal pasti dengan baik huruf yang boleh disambung (huruf baik) yang berwarna hijau dan huruf yang tidak dapat disambung selepasnya (huruf sombong) yang berwarna jingga. Selain itu, murid juga dapat melihat bentuk-bentuk huruf apabila berada di kedudukan hadapan, tengah atau belakang dan juga tunggal. Maka, murid tidak lagi keliru antara huruf Lam dan Alif, huruf Ha dan Ain, Huruf Mim dan Ha (bulat), Huruf Kho dan Nun dan sebagainya.

Bagi membuktikan keberkesanan *JAWIGO BLOCK* dalam membantu murid menyambung huruf Jawi, maka pengkaji telah menjalankan pascaujian kepada semua murid 4 Lily. Hasilnya, tiada lagi murid yang mendapat kurang dari 20 markah. Markah pascaujian sebagaimana *Jadual 3* :

Jadual 3: Markah pascaujian

Markah	Bilangan murid	Peratus
0-20	0	0%
21-40	10	26.32%
41-60	13	34.21%
61-80	8	21.05%

## KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Sebagai rumusnya, JAWIGO BLOCK ini bukan sahaja berjaya membantu murid menyambung huruf Jawi dengan lebih baik, malah turut membantu murid lemah mengenal huruf-huruf Jawi. Murid mengenal huruf yang boleh disambung sebelum dan selepasnya (huruf baik) dan huruf yang tidak boleh disambung selepasnya (huruf sombong). Selain itu, murid juga dapat mengenal bentuk-bentuk huruf di kedudukan depan, tengah dan belakang dengan lebih baik dan seterusnya murid dapat menulis sendiri perkataan dalam tulisan Jawi dengan sambungan yang betul.

Sebagai cadangan untuk penambahbaikan, besarlah harapan pengkaji agar JAWIGO BLOCK boleh dikomersialkan dengan lebih meluas dan dapat menghasilkan JAWIGO BLOCK dalam saiz sedia ada dan lebih besar untuk diperkenalkan kepada golongan murid yang lebih muda seperti murid prasekolah. Untuk merealisasikan harapan ini, langkah telah diambil dengan membuat permohonan untuk mendaftarkan hak cipta ke atas produk inovasi JAWIGO BLOCK ini. Diharap dengan pengkomersialan JAWIGO BLOCK ini nanti, JAWIGO BLOCK yang dihasilkan akan lebih mudah diperoleh semua pihak yang berniat untuk membantu murid atau anak dalam mengajar Jawi.

## RUJUKAN

- Derus, A., & Wan, M. (2021). Aplikasi pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(2), 53–66.
- Hashim, A., & Tamuri, A. H. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 1–10. Bangi: UKM.
- Bakar, B. A., Mad Siadid, M. N., Suwairi, A. J., Urusli, S., Deris, A., & Abd Wahab, M. Y. (2012). Persepsi pelajar terhadap keberkesanan program j-QAF dalam kalangan pelajar tingkatan 1 – Satu kajian kes. In *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*. Johor Bahru: The Zon Regency by The Sea Johor Bahru.
- Musa, H. H. (2005). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 1–10. Akademi Pengajian Melayu.
- Md Sahmilin, M. (2012). Penggunaan “Kaedah Tiru Macam Saya” membantu menyambung huruf Jawi tunggal dalam kalangan murid tahun 3. In *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012* (pp. 89–100).
- Nahar, N., & Sahar, J. (2017). Pengajaran Jawi berkesan dalam usaha memartabatkan warisan budaya bangsa. *Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Abdullah, N. B., & Ramli, N. B. (2012). Penggunaan simbol (+) dan (-) pada kaedah Avu Zar Zad membantu murid menyambung dan menulis Jawi. *Laporan Penyelidikan Yang Tidak Diterbitkan*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Pendidikan Islam.
- Sabilan, S. (2018). Kad Warna Jawiku dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf Jawi. In *International Conference on Research, Language and Education 2018 (ICORALE 2018)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Neuman, W. L. (2000). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Pearson Education Limited.
- Wan, M., & Don, A. G. (2016). Keistimewaan kaedah Jawi sebagai metode dakwah untuk pembelajaran al-Quran yang berkesan: Kajian ke atas skrip Jawi. *Al-Hikmah*, 8(1), 54–68.
- Ibrahim, Z. B. (2009). Meningkatkan kemahiran penulisan huruf Jawi yang berubah bentuk apabila disambungkan bagi pelajar tahun empat. *Fakulti Pendidikan Sastera dan Sains Sosial, Open University Malaysia*.